



IKLAN JAWATAN KOSONG LEMBAGA GETAH MALAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Lembaga Getah Malaysia dalam jawatan seperti berikut:

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN	TARAF JAWATAN	GREED & JADUAL GAJI	LOKASI KEKOSONGAN
1	JURUTERA	KEJURUTERAAN (J)	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	KONTRAK	<p style="text-align: center;">J44 RM3,608.00 – RM10,557.00</p> <p style="text-align: center;">J48 RM 5,208.00 – RM11,766.00</p>	LEMBAH KLANG

TARIKH IKLAN DIBUKA : 28 OKTOBER 2020

1. SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1.1. JAWATAN JURUTERA, GREED J44

- i. **Bilangan kekosongan** : Satu (1)
- ii. **Kelulusan Calon** : a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dari mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya; dan
b) mendapat sekurang-kurangnya C dalam matapelajaran bahasa melayu diperingkat SPM
- iii. **Bidang kelulusan yang diperlukan** : Kejuruteraan Mekanikal
- iv. **Status Warganegara** : Warganegara
- v. **Tempoh Pengalaman** : Sekurang-kurangnya enam (6) tahun dalam bidang yang berkaitan
- vi. **Skop Tugas** : a) Meluluskan rekabentuk bangunan yang akan dibina dan keperluan sistem mekanikal seperti pemasangan sistem pencegah kebakaran, sistem hawa dingin, pam kumbahan, pam air serta sistem perpaipan, keselamatan gas dan lain-lain sistem mekanikal termasuk pematuhan kepada akta-akta yang berkuatkuasa.
b) Menyediakan khidmat nasihat teknikal berkaitan sistem penyedut udara setempat (*Local exhaust ventilation*) & semua fasiliti sistem mekanikal termasuklah mendapatkan kelulusan dari pihak berkuasa bagi permohonan pemasangan baru;
c) Menguruskan penyelenggaraan berkala dan baik pulih kenderaan-kenderaan rasmi di LGM termasuklah pemantauan penggunaan kad minyak;

- d) Memberikan khidmat teknikal/pengesyoran berkenaan spesifikasi kerja dan peralatan, ringkasan tender dan sebut harga untuk sistem mekanikal serta memantau projek-projek pembangunan dan projek naik taraf di LGM;
- e) Menguruskan proses untuk pelantikan perunding/kontraktor bagi projek-projek di LGM serta melaksanakan pemantauan prestasi kerja dari semasa ke semasa;
- f) Mengendalikan urusan perolehan yang berkaitan dan mematuhi peraturan dan prosidur yang berkuatkuasa;
- g) Menyediakan laporan semasa projek dan kerja-kerja naik taraf / ubah suai di bawah pemantauan; dan
- h) Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

1.2. JAWATAN JURUTERA, GRED J48

- i. **Bilangan kekosongan** : Dua (2)
- ii. **Kelulusan Calon** : c) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dari mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya; dan
 - d) mendapat sekurang-kurangnya C dalam matapelajaran bahasa melayu diperingkat SPM
- iii. **Bidang kelulusan yang diperlukan** : Arkitek / Juruukur Bahan
- iv. **Status Warganegara** : Warganegara
- v. **Tempoh Pengalaman** : Sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang yang berkaitan:
- vi. **Skop Tugas** : a) Merancang dan menyelaras hal-hal berkaitan kerja-kerja pembangunan, naiktaraf dan pengurusan fasiliti LGM agar berjalan mengikut jadual yang dirancang;
 - b) Memastikan setiap projek pembangunan dan pengurusan fasiliti LGM dikoordinasi dengan cekap dan professional;
 - c) Memantau dan mengawal selia prestasi kerja perunding/kontraktor yang dilantik untuk projek-projek yang berkaitan;
 - d) Memantau projek pembangunan dan kerja-kerja naik taraf infrastruktur mematuhi kontrak kerajaan dan LGM termasuk perolehan dan proses-proses perundangan yang berkaitan projek pembangunan dan kerja-kerja naik taraf infrastruktur yang dijalankan;
 - e) Memantau urusan perolehan yang berkaitan agar mematuhi pekeliling kerajaan serta pekeliling LGM yang berkuat kuasa;
 - f) Menyediakan laporan semasa projek di bawah pemantauan; dan
 - g) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa

2. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:

Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam semua akta-akta yang berkuat kuasa di Malaysia yang berkaitan dengan tugas termasuklah *Uniform Building By-Laws (UBBL) 1984*, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) & Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007 (Akta A1286) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2007;
- ii. Memiliki kemahiran dan pengetahuan berkaitan pentadbiran kontrak kerajaan dan proses-proses perundangan yang terlibat;
- iii. Berpengetahuan tentang proses perolehan kerajaan serta pekeliling/peraturan yang berkaitan;
- iv. Mempunyai pengalaman mengetuai dan mengendalikan projek pembangunan hartanah serta berpengetahuan dalam penyelenggaraan aset dan harta organisasi;
- v. Berkebolehan dalam mengurus dan menyelia hal-hal pentadbiran, kewangan dan sumber manusia serta mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang dinamik dan berwawasan;
- vi. Mempunyai prestasi yang cemerlang dan tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib;
- vii. Berkemahiran dalam bidang pengurusan kewangan dan perniagaan serta mempunyai jaringan *business* yang baik; dan
- viii. Memiliki sifat keyakinan yang tinggi, visi yang jelas serta kemahiran interpersonal dan integriti yang cemerlang.

3. CARA MEMOHON:

- i. Permohonan adalah melalui laman sesawang <https://www.jobstreet.com.my>
- ii. **Pengkhidmat LGM berstatus tetap atau kontrak** yang memohon jawatan kosong yang diiklankan melalui laman sesawang <https://www.jobstreet.com.my> diminta memaklumkan kepada **Cik Noor Nabilah Binti Mohamad Zaidee** (Unit Pembangunan Sumber Manusia/Seksyen Perjawatan) melalui emel nabilah@lgm.gov.my. Ini adalah bagi memastikan pihak UPSM dapat mengenalpasti mana-mana anggota LGM berstatus tetap atau kontrak yang memohon daripada laman sesawang tersebut. Sukacita diingatkan bahawa hanya permohonan melalui Jobstreet sahaja akan dipertimbangkan dan sebarang permohonan menggunakan borang permohonan jawatan kosong LGM tidak akan dilayan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 11 NOVEMBER 2020

4. CATATAN AM

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- ii. Pemohon-pemohon yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.**

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Cik Noor Nabilah Binti Mohamad Zaidee** (Unit Pembangunan Sumber Manusia/Seksyen Perjawatan) Lembaga Getah Malaysia di talian **03-9206 2000 ext : 2205**.
